

ABSTRAK

PENGURUSAN PENERBITAN BUKU DALAM PERKEMBANGAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Kajian ini bertujuan untuk memberikan maklumat yang lengkap dan jelas tentang pengurusan penerbitan buku pada masa ini memandangkan hingga kini, kajian tentang pengurusan penerbitan buku dan kaitannya dengan teknologi maklumat kurang dijalankan oleh mana-mana pengkaji. Dalam kajian ini, pengkaji memberikan fokus terhadap tiga aspek utama, iaitu fungsi dan amalan pengurusan penerbitan buku, teknologi komputer yang boleh digunakan dalam pengurusan penerbitan buku dan tahap penggunaan teknologi komputer dalam penerbitan buku. Maklumat tentang fungsi dan amalan pengurusan penerbitan buku serta teknologi komputer yang boleh digunakan dalam pengurusan penerbitan buku banyak diperoleh daripada kajian kepustakaan, manakala maklumat tentang tahap penggunaan teknologi komputer dalam penerbitan buku diperoleh daripada kajian kes, iaitu soal selidik terhadap pengurus penerbitan, editor kanan dan editor di beberapa syarikat dan badan penerbitan. Hasil daripada kajian, pengkaji mendapati bahawa tenaga editorial terutama editor pada masa ini mempunyai tanggungjawab yang besar dalam menjalankan tugas mereka, bermula dari peringkat perancangan sehinggalah buku terbit, dan teknologi komputer yang boleh digunakan dengan meluas dalam bidang penerbitan menimbulkan cabaran dan peluang yang bukan sedikit bagi editor yang mengurus projek penerbitan buku dalam perkembangan teknologi maklumat ini. Melihat pada hasil kajian ini, jelaslah bahawa editor kini bukan sahaja perlu dilengkapi dengan ilmu berkaitan dengan teknologi komputer, malah perlu mempunyai pendidikan yang tinggi supaya buku yang diterbitkan mencapai kualiti yang diharapkan, baik dari segi reka bentuk mahupun dari segi isi kandungannya.